

10 FEB 2000

Mahkamah-Anwar

SUKMA GUNA NAMA LAIN BAGI PELAN UBAH SUAI PANGSAPURI

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini diberitahu bahawa adik angkat Datuk Seri Anwar Ibrahim, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja menggunakan nama lain bagi pelan pengubahsuaian pangsapuri yang dibeli dengan harga RM566,000 pada tahun 1992.

Bekas rakan kongsinya yang juga sahabat karibnya, Rahimazlan Abdul Rahim berkata Sukma menulis nama "Sudar Teka Nawa" pada pelan berkenaan yang bertarikh 7 Dis 1992.

Beliau berkata Sukma tidak mahu namanya dicatatkan pada pelan berkenaan walaupun bersetuju namanya pada perjanjian jual beli satu unit pangsapuri di Tivoli Villa itu.

"Nama Sudar Teka Nawa diberi sendiri oleh Sukma... Saya tidak tahu mengapa beliau menggunakan nama itu dan saya tidak tahu sama ada itu nama samarannya. Saya tidak pula bertanya kepadanya," katanya pada perbincangan kes liwat yang membabitkan Sukma dan Anwar.

Sukma, 39, dan Anwar, 52, didakwa meliwat Azizan Abu Bakar, 39, di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bukit Bandaraya, Bangsar di sini pada suatu malam, pukul 7.45, antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan, juga didakwa bersubahat dengan bekas menteri kewangan itu untuk meliwat Azizan, bekas pemandu peribadi isteri Anwar, di tempat dan pada masa yang sama.

Ketika disoal balas oleh Timbalan Pendakwa Raya Tun Majid Tun Hamzah, Rahimazlan, 39, yang bekerja sebagai pengurus pengubahsuaian pangsapuri Sukma pada tahun akhir 1992 dan awal 1993, berkata beliau tidak merasa pelik dengan perbuatan Sukma itu.

"Itu unit (pangsapuri) dia. Saya anggap dia sebagai ketua saya dan kalau itu kehendak dia, saya tidak persoal. Tambahan pula, kegunaan pelan hanya untuk kontraktor saja," katanya.

Rahimazlan yang telah mengenali Sukma sejak 1979 dan menjadi rakan kongsi bagi syarikat Megareka Sdn Bhd berkata pengubahsuaian itu dijalankan oleh syarikat milik mereka itu dan Sukma dianggap sebagai pelanggan.

Semasa ditanya mengenai hubungan mereka, beliau bersetuju dengan cadangan Tun Majid bahawa beliau bersimpati dengan apa yang dihadapi Sukma kerana hubungan mereka akrab, seperti adik-beradik malah beliau merupakan penjamin kepada Sukma.

Sebelum itu, semasa pemeriksaan utama oleh peguam Gobind Singh Deo yang mewakili Sukma, Rahimazlan berkata terdapat dua peringkat dalam pengubahsuaian itu yang melibatkan kerja-kerja basah dan kering yang memakan masa tiga hingga empat bulan.

Beliau berkata pada satu peringkat, kerja pengubahsuaian pangsapuri itu terhenti dua minggu kerana Tahun Baru Cina dan semua pekerja tidak bekerja dalam tempoh itu.

Katanya semasa menjalankan kerja pengubahsuaian itu, beliau dikehendaki mendaftar di pondok pengawal setiap kali memasuki kawasan itu.

Perbincaran hari ini hanya dijalankan pada sesi pagi sahaja kerana Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail yang mengetuai pasukan pendakwaan, tidak sihat.

Hakim Datuk Arifin Jaka membenarkan permohonan Tun Majid untuk memangguhkan perbincaran itu sehingga esok.

Sementara itu salah seorang peguam Anwar, S.N. Nair ketika ditemui kemudiannya berkata pembelaan telah membayangkan kepada pendakwaan bahawa mereka memerlukan kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

untuk memberi keterangan pada 17 Feb.

-- BERNAMA

NHD NMO